



## TERMA DAN SYARAT KEMPEN KT PROTECT (MEDIC KT)

**"Kempen KT Protect (Medic KT)"** bakal memberikan peluang kepada para Anggota Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad untuk memenangi hadiah menarik tertakluk kepada terma dan syarat ("Terma dan Syarat") yang berikut:-

### 1. Tempoh Kempen

- a) **Kempen KT Protect (Medic KT)** ("Kempen") anjuran Koperasi Angkatan Tentera Malaysia Berhad ("KT") akan berlangsung secara berterusan selama enam (6) bulan seperti jadual di bawah ("Tempoh Kempen") kecuali jika dimaklumkan sebaliknya:-

<b>Tempoh Kempen</b>
1 April 2025 – 30 September 2025

- b) KT berhak mengubah tempoh dan/atau tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat Tempoh Kempen dengan memberikan notis terdahulu, selama tujuh (7) hari kalender sebelum perubahan Tempoh Kempen berkuatkuasa, tarikh permulaan dan/atau tarikh tamat melalui paparan di laman sesawang KT di [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT.
- c) Jika atas apa-apa sebab Kempen ini tidak mampu berlangsung seperti yang dirancang atas sebab (dan tidak terhad) seperti penyebaran virus komputer, penggodaman, campur tangan tanpa izin, penipuan, kegagalan teknikal, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau apa-apa sebab di luar kawalan KT, KT berhak untuk menukar, membatalkan, menamatkan atau menggantungkan Kempen ini pada bila-bila masa tanpa sebarang notis terlebih dahulu.

### 2. Syarat Kelayakan

- a) Tertakluk kepada Perenggan 2(c) Terma dan Syarat ini, Kempen ini adalah terbuka kepada semua anggota KT yang membuat permohonan seperti di bawah sepanjang Tempoh Kempen berlangsung dan permohonan tersebut mestilah diluluskan semasa Tempoh Kempen :-
- (i) **Permohonan baharu Skim Medic KT;** dan/atau
  - (ii) **Peningkatan pelan Skim Medic KT.**
- b) Permohonan yang tidak layak menyertai Kempen adalah seperti berikut:-
- (i) **Pembatalan penyertaan Skim Medic KT;** dan/atau
  - (ii) **Pengurangan Pelan Skim Medic KT.**

- c) Anggota-anggota yang disenaraikan di bawah adalah tidak layak untuk menyertai Kempen ini: -
  - (i) Anggota Lembaga KT;
  - (ii) Anggota KT yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak KT;
  - (iii) Anggota KT yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak anak syarikat KT; dan
  - (iv) Anggota KT yang mempunyai keluarga terdekat (suami, isteri, anak, ibubapa atau adik beradik) yang merupakan kakitangan tetap atau kakitangan kontrak KT atau anak Syarikat KT.
- d) Anggota yang tidak disenaraikan di dalam perenggan 2(c) di atas, selepas ini akan disebut sebagai "Anggota KT Yang Layak".

### **3. Kaedah dan Syarat Penyertaan**

- a) Penyertaan yang layak akan diambilkira setelah permohonan seperti di perkara 2(a) yang dimohon dalam Tempoh Kempen **diluluskan** oleh KT semasa Tempoh Kempen.
- b) Sebarang penyertaan yang tidak memenuhi syarat kelayakan akan secara automatik dibatalkan.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini dan bersetuju bahawa semua keputusan yang dibuat oleh KT, berkaitan dengan setiap aspek Kempen ini termasuklah berhubung dengan hadiah yang akan diberikan dan penentuan pemenang hadiah adalah muktamad. Sebarang bantahan atau rayuan adalah tidak diterima.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dengan ini bersetuju bahawa tidak akan mempertanggungjawabkan KT sekiranya KT tidak dapat melaksanakan obligasinya di dalam ini secara keseluruhan atau sebahagian, yang berpunca secara langsung atau tidak langsung oleh kegagalan sebarang peranti mekanikal atau elektronik, sistem pemprosesan data, talian penghantaran, kerosakan elektrik, pertikaian perusahaan, peperangan, mogok, rusuhan, sebarang bencana alam di luar kawalan KT, apa-apa perintah kerajaan tidak terhad kepada perintah kawalan pergerakan atau disebabkan situasi-situasi di luar kawalan munasabah KT.
- e) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak dianggap memberikan kebenaran kepada KT untuk menggunakan dan menyiarkan nama, gambar-gambar dan nombor anggota pemenang bagi tujuan pengumuman pemenang, pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain yang berkaitan dengan Kempen ini, tanpa sebarang notis terdahulu, bayaran royalti atau pampasan kepada Anggota KT Yang Layak. Anggota KT Yang Layak adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.

- f) Anggota KT Yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan nombor telefon mudah alih atau alamat e-mel mereka yang diberikan adalah yang terkini. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan kepada maklumat perhubungan tersebut, adalah dinasihatkan supaya Anggota KT Yang Layak menghubungi KT bagi membuat kemaskini maklumat tersebut.

#### 4. Hadiah-Hadiah Kempen

- a) Hadiah-hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut:-

HADIAH	BILANGAN PEMENANG
<i>Omron Blood Pressure Monitor</i>	30x pemenang

- b) Semua hadiah yang diberikan tidak boleh dipindah milik mahupun ditukar dengan wang tunai atau barang lain.
- c) Anggota KT Yang Layak yang telah terpilih untuk memenangi hadiah akan disebut sebagai "Pemenang" selepas ini.
- d) Bagi sebarang aduan atau pertikaian berhubung kualiti atau jaminan hadiah, Pemenang **HENDAKLAH** berurusan terus dengan pembekal tanpa sebarang hak menuntut balik dengan KT.
- e) Hadiah hendaklah dituntut oleh para pemenang dalam masa **satu (1) bulan dari tarikh pengumuman dibuat**. Sekiranya tiada tuntutan dalam masa yang ditetapkan, pihak KT berhak membatalkan nama Pemenang dan akan mengambil senarai nama simpanan sebagai Pemenang.
- f) Pemenang akan dihubungi oleh pihak KT melalui nombor telefon yang didaftarkan selama tiga (3) hari berturut-turut bagi proses pengambilan hadiah di ibu pejabat atau cawangan KT. Sekiranya Pemenang tidak dapat dihubungi selepas tiga (3) kali percubaan maka penyertaannya akan dibatalkan dan KT berhak memilih pemenang lain sebagai gantian. KT tidak akan bertanggungjawab sekiranya Pemenang gagal dihubungi kerana kesilapan Pemenang memberikan maklumat perhubungan yang betul semasa mengemas kini maklumat yang telah didaftarkan bersama KT.
- g) Pihak KT berhak menukar atau menggantikan hadiah yang ditawarkan dengan hadiah yang lain tanpa pemberitahuan terlebih dahulu.
- h) Segala imej gambar hadiah yang ditunjukkan dalam apa-apa iklan, Kempen publisiti dan bahan-bahan lain yang berkaitan dengan Kempen ini adalah bagi tujuan ilustrasi sahaja dan mungkin berbeza dengan bentuk hadiah yang sebenarnya.
- i) Penyerahan hadiah kepada pemenang yang dipilih adalah bergantung kepada ketersediaan hadiah dan akan dimaklumkan kepada Pemenang dari semasa ke

semasa. KT tidak akan bertanggungjawab terhadap liabiliti yang timbul daripada sebarang penangguhan, pembatalan, kelewatan dan perubahan kepada hadiah oleh mana-mana pembekal hadiah atau oleh pihak pengedar hadiah.

- j) Hadiah yang dituntut adalah dalam keadaan sedia ada, tidak boleh dipindah milik atau ditukar dengan wang tunai atau ditukar dengan kredit atau baucer.

## 5. Pemilihan Pemenang

- a) Pemenang hadiah akan dipilih secara rawak daripada kumpulan data jumlah penyertaan yang memenuhi syarat kelayakan. Cabutan nama pemenang secara rawak tersebut akan dibuat melalui program janaan komputer. Sila rujuk jadual dibawah untuk ringkasan bagi pemilihan pemenang: -

HADIAH	PEMENANG	PENGUMUMAN PEMENANG
<i>Omron Blood Pressure Monitor</i>	30x pemenang	Dalam tempoh 14 hari bekerja selepas 30 September 2025

- b) Senarai pemenang akan diumumkan dan disenaraikan di laman sesawang KT atau melalui kaedah-kaedah lain yang dianggap sesuai atau praktikal oleh KT.
- c) KT atas budi bicara mutlaknya berhak untuk membatalkan kemenangan pemenang sekiranya didapati pemenang yang dipilih melanggar mana-mana Terma dan Syarat Kempen.
- d) KT tidak akan bertanggungjawab dalam apa cara jua sekiranya pemenang tidak dapat dihubungi atas apa juu sebab.
- e) Pihak KT mempunyai hak mutlak untuk memilih pengganti pemenang apabila perlu tetapi tidak terhad kepada senario berikut:-  
(i) Pemenang gagal dihubungi selama tiga (3) hari berturut-turut;  
(ii) Pemenang tidak menuntut hadiah dalam tempoh yang ditetapkan; dan/atau  
(iii) Pemenang telah menawarkan untuk membatalkan hadiahnya.
- f) Semua keputusan yang dibuat oleh pihak KT adalah muktamad dan segala surat-menurat, rayuan atau bantahan tidak akan dilayan.
- g) Bagi tujuan tuntutan hadiah, semua kos pengangkutan, caj internet, kos peribadi dan/atau sebarang kos, yuran dan/atau apa-apa jenis perbelanjaan yang dibuat oleh pemenang untuk mengambil hadiah tersebut pada tarikh dan tempat yang ditentukan oleh pihak KT, adalah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang sendiri.

- h) Untuk menuntut hadiah, pemenang mesti mengemukakan kad pengenalan mereka untuk pengesahan identiti pemenang dan juga perlu menandatangani sebarang borang jika dikehendaki oleh KT.
- i) KT tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kerosakan yang berlaku kepada hadiah yang dituntut pemenang. Sebarang pertikaian berkaitan kualiti, kebolehdagangan dan/atau jaminan (*warranty*) hadiah (yang berkenaan) mesti diselesaikan antara pemenang dengan pengedar/pembekal tanpa melibatkan pihak KT. KT tidak bertanggungjawab atas pelanggaran kualiti atau jaminan hadiah.

## 6. Data Peribadi

Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak bersetuju:-

- (i) memberi kebenaran kepada KT atau mana-mana pihak ketiga yang dilantik oleh KT untuk memproses data peribadi Anggota KT Yang Layak bagi tujuan yang berkaitan dengan Kempen ini.
- (ii) bahawa sebarang data peribadi yang didedahkan kepada KT sama ada secara lisan atau bertulis akan dikumpul, digunakan, disimpan dan (sekiranya ada keperluan undang-undang atau keperluan yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan Koperasi Tentera) didedahkan oleh KT menurut ketetapan yang dinyatakan di dalam Notis Privasi KT.
- (iii) telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Notis Privasi KT yang mana Notis Privasi tersebut boleh diperolehi di laman sesawang KT di [www.katmb.com](http://www.katmb.com).

## 7. Terma dan Syarat Am

- a) KT ingin memberi peringatan kepada anggota KT untuk mengambil langkah berjaga-jaga yang sewajarnya semasa menerima sebarang panggilan telefon atau mesej yang meminta maklumat peribadi anggota semasa dan/atau selepas Tempoh Kempen. KT juga ingin menasihatkan anggota untuk menghubungi KT bagi tujuan pengesahan.
- b) KT berhak menggantung, membatalkan, menamatkan atau menarik balik Kempen ini secara keseluruhan atau sebahagian dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalender kepada anggota KT yang Layak melalui paparan di laman sesawang KT di [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT. Untuk mengelakkan keraguan, sebarang penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik Kempen ini tidak akan memberikan hak kepada Anggota KT Yang Layak untuk membuat sebarang tuntutan atau menuntut sebarang pampasan terhadap KT di atas sebarang kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Anggota KT Yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh tindakan penggantungan, pembatalan, penamatan atau penarikan balik tersebut.
- c) KT berhak, dengan memberikan notis terdahulu selama empat belas (14) hari kalendar untuk mengubah (sama ada dengan menambah, memotong, memodifikasi, meminda atau sebaliknya walau bagaimanapun juga) ("Pindaan")

mana-mana Terma dan Syarat di dalam ini melalui paparan di laman sesawang KT di [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my) atau apa-apa cara lain yang difikirkan sesuai oleh KT. Pindaan akan dianggap mengikat dari tarikh makluman Pindaan atau dari sebarang tarikh yang boleh ditetapkan oleh KT dalam makluman.

- d) Anggota KT Yang Layak mengakui dan bersetuju mengakses laman sesawang KT dengan tetap untuk membaca Terma dan Syarat dan memastikan mereka mempunyai pengetahuan terkini mengenai apa-apa perubahan pada Terma dan Syarat ini.
- e) Terma dan Syarat ini akan mengatasi sebarang peruntukan atau representasi yang terkandung dalam apa-apa bahan Kempen lain yang mengiklankan Kempen ini.
- f) Jika berlaku apa-apa percanggahan di antara Terma dan Syarat ini dan apa-apa terma yang terkandung dalam sebarang bahan, terma yang yang terkandung di dalam Terma dan Syarat ini akan diguna pakai.
- g) Tertakluk kepada apa yang dibenarkan oleh undang-undang, KT tidak akan bertanggungjawab kepada Anggota KT Yang Layak atau mana-mana pihak ketiga untuk kerosakan langsung, tidak langsung, khas, sampingan, ganti rugi tauladan atau akibat kerosakan (termasuk kehilangan penggunaan, data, perniagaan atau keuntungan) yang timbul daripada atau berkaitan dengan penyertaan Anggota KT Yang Layak dalam Kempen ini, sama ada liabiliti tersebut berlaku berpunca daripada apa-apa tuntutan berdasarkan kepada kontrak, jaminan, tort (termasuk kecuaian), liabiliti ketat atau sebaliknya, dan sama ada Anggota KT Yang Layak telah dinasihatkan atau tidak kemungkinan kerugian atau kerosakan boleh berlaku.
- h) Dengan menyertai Kempen ini, Anggota KT Yang Layak memberikan kebenaran kepada KT menggunakan dan menyiarkan nama-nama dan gambar-gambar Pemenang bagi tujuan pengiklanan, publisiti dan/atau untuk apa-apa tujuan lain, tanpa sebarang notis terdahulu, bayaran royalti atau pampasan kepada Pemenang. Pemenang adalah tidak mempunyai hak untuk menuntut sebarang pemilikan atau apa-apa bentuk pampasan terhadap material tersebut.
- i) Dengan menyertai Kempen ini Anggota KT Yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini atau sebarang pindaan terhadap Terma dan Syarat ini. Keputusan KT dalam semua perkara berhubung Kempen adalah mutakhir dan muktamad. Tiada surat rayuan akan dilayan untuk perkara tersebut.
- j) Terma dan Syarat ini ditafsirkan di bawah undang-undang Malaysia. Untuk maklumbalas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, Anggota Yang Layak boleh menghubungi KT di talian 03-2303 0000; atau kunjungi mana-mana cawangan KT; atau layari sesawang KT di [www.katmb.com.my](http://www.katmb.com.my).